

HUJAN LEBAT 24 JAM

■ Seramai 142 keluarga di pindah ke pusat perlindungan

Oleh Mohd Razlan Salleh dan Mohd Nazlie Zainul
hmkk@hmetro.com.my
Tenom

Hujan lebat berterusan sejak 24 jam lalu menyebabkan seramai 468 penduduk membabitkan 142 keluarga dipindahkan ke empat pusat pemindahan sementara selepas kediaman masing-masing ditenggelami banjir.

Pegawai Daerah Tenom Madiyem Layapan berkata, semua penduduk terjejas kini ditempatkan di pusat pemindahan sementara susulan hujan lebat sejak Selasa lalu menenggelamkan empat kampung.

"Sehingga jam 4 petang tadi (semalam), seramai 152 penduduk membabitkan 53 keluarga dipindahkan ke pusat pemindahan Ponontomon, 103 penduduk (34 keluarga) dibawa ke pusat pemindahan Labut 1, 51 keluarga (193 penduduk) ditempatkan di pusat pemindahan Labut 2 ma-

nakala pusat pemindahan Lalandang menempatkan 20 penduduk daripada empat keluarga.

"Pertambahan penduduk dijangka berlaku sekiranya paras air Sungai Padas semakin meningkat atau tidak berubah," katanya selepas mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Banjir Daerah Tenom, di sini, semalam.

Madiyem berkata, bakan tolok lurus Sungai Padas berada pada tahap amaran iaitu 176.98 meter berbanding paras normal pada 174.50 meter.

"Proses pendaftaran penduduk yang terjejas masih dilakukan manakala pasukan penyelamat sudah dikerah untuk melakukan pemantauan.

"Bantuan makanan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat juga sudah diagihkan kepada penduduk yang berada di pusat pemindahan," katanya.

Menurutnya, orang ramai diminta mengambil langkah berjaga-jaga dan berpindah ke pusat pemindahan sekiranya paras air semakin meningkat.

"Penduduk kampung dinasihati segera berpindah ke tempat lebih selamat selain membawa dokumen penting termasuk MyKad dan sijil kelahiran.

"Setakat ini, tiada kema-

“Pertambahan penduduk dijangka berlaku sekiranya paras air Sungai Padas meningkat atau tidak berubah”

Madiyem

langan jiwa dilaporkan dan semua jabatan serta agensi berkaitan sudah dikerah untuk memastikan proses pemindahan dan bantuan dapat dilakukan segera," katanya.

Sementara itu, di Beaufort, hujan lebat sejak petang kelmarin menyebabkan limpahan air Sungai Padas hingga tiga kampung dinaiki air.

Banjir sedalam 0.5 meter itu menjejaskan Kampung Bakalau, Balibata dan Binunuk, namun tiada mangsa dipindahkan.

Penduduk Kampung Bakalau, Hasimah Agis, 22, berkata, air mula naik perlahan-lahan sejak malam kelmarin dan meningkat mendadak menjelang awal pagi semalam.

"Sehingga tengah hari tadi (semalam), air semakin meningkat sehingga setengah meter," katanya.

Menurut Hasimah, ini kejadian kedua selepas menghadapi bencana sama awal tahun ini.